

19/10/2002

Tidak ada rakyat Malaysia terbabit serangan

Khaidir Abdul Majid; Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat Malaysia disahkan tidak terbabit dalam serangan bom di Bali, Indonesia, Sabtu lalu dan Zamboanga di selatan Filipina, semalam.

Sebaliknya, siasatan mendapati lelaki yang dikatakan rakyat Malaysia dan terbabit dalam serangan bom di Bali, sebenarnya rakyat Indonesia, manakala pihak berkuasa Filipina sudah membebaskan kelasi kapal rakyat Malaysia.

Perkara itu dimaklumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar di New Delhi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, yang dihubungi di sini, hari ini.

Perdana Menteri pada sidang akhbar sebelum berlepas ke Islamabad, Pakistan, berkata lelaki yang disyaki terbabit dalam serangan bom di Bali sebenarnya rakyat Indonesia yang mempunyai status pemastautin tetap di Malaysia.

"Dia sudah pulang ke republik itu dan jika dia masuk semula ke Malaysia, sudah pasti kita akan tangkap dia kerana kita tidak mempunyai sebarang keraguan bahawa dia terbabit dalam kegiatan seumpama itu ketika di Malaysia," katanya.

Akhbar harian Inggeris Indonesia, The Jakarta Post sebelum ini melaporkan pihak berkuasa perisikan Indonesia mengenal pasti seorang rakyat Malaysia adalah di antara tujuh rakyat asing yang disyaki dalam pengeboman di Bali itu.

Mengenai kesan serangan bom di Bali dan Zamboanga, terhadap rantau Asean, Perdana Menteri berkata sudah tentu ia akan menjejaskan rantau itu.

"Dalam serangan pegganas kita tidak boleh memastikan sasaran selanjutnya. Sudah tentu Malaysia sendiri mungkin menjadi sasaran serangan seperti di Bali dan Filipina.

"Tetapi Malaysia mempunyai reputasi untuk menangani masalah keganasan sedemikian. Malah, kita sudah mengambil langkah awal untuk menghapuskan kemungkinan ancaman sedemikian dan masa akan menunjukkan bahawa Malaysia adalah negara yang selamat dan stabil," katanya.

Mengenai kesan serangan sedemikian terhadap kemasukan pelaburan langsung asing, Dr Mahathir berkata:

"Kita perlu bergantung kepada pelaburan domestik untuk menjana pertumbuhan. Perkara ini sudah ditekankan dan saya percaya kita tidak akan banyak terjejas dengan pengurangan pelaburan asing berikutan kebimbangan terhadap serangan pegganas."

Sementara itu, Norian berkata pihak berkuasa Filipina membebaskan seorang kelasi rakyat Malaysia selepas disoal siasat.

Katanya, siasatan pihak berkuasa Filipina mendapati lelaki berkenaan yang menjadi kelasi kapal MV Suisen, secara kebetulan berada di bandar raya itu ketika letupan itu.

"Kalau sudah dibebaskan, adakah itu menunjukkan dia seorang pegganas?" katanya.